

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 13 HINGGA NO. 55)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]
TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah status terkini program perbelanjaan bagi projek vaksinasi kebangsaan Kerajaan yang telah dijalankan dan jumlah penduduk Shah Alam yang telah menerima 2 dos lengkap vaksin dan bilakah jangkaan Parlimen Shah Alam boleh mencapai *herd immunity*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat 30 September 2021, daripada jumlah RM1 bilion tersebut, sebanyak RM352.63 juta telah dibelanjakan meliputi:

- (i) sewaan;
- (ii) utiliti perkakasan;
- (iii) peralatan pakai habis;
- (iv) pembersihan dan sanitasi;
- (v) perkhidmatan makan minum petugas;

- (vi) bayaran *token* bulanan sukarelawan dan keselamatan;
- (vii) integrasi data dan sistem; dan
- (viii) bayaran perkhidmatan jangkau luar komuniti dan perkhidmatan lain.

Perbelanjaan ini dikendalikan oleh CITF Persekutuan dan penyaluran telah dibuat kepada negeri-negeri dan Jabatan serta Agensi seperti Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Shah Alam berada di bawah daerah Petaling dan merupakan salah sebuah komponen di bawah Lembah Klang. Bagi daerah Petaling, setakat 4 Oktober 2021, seramai 1.46 juta atau 92.1% telah menerima dos lengkap daripada keseluruhan populasi dewasa seramai 1.58 juta orang. Berdasarkan statistik ini, daerah Petaling telah mencapai sasaran 80% populasi dewasa lengkap divaksin.

Sekian, terima kasih.